

# Campaa Alam Bumiku

## Sebuah Catatan Perjalanan

### Melihat Alam Jawi

(Bahagian 1)

#### Pelajaran Rumi Melayu, Raket Terbang dan Pelbagai Acara

Darihal kesederhanaan masyarakatnya, semua menjadikan saya tertarik untuk mengetahui lebih lagi. Pertemuan dengan wajah-wajah kecil anak-anak madrasah amat mengujakan kami. Mereka diajarkan asas-asas fardu ain sebagai seorang Muslim. Pada sebelah paginya mereka dihantar ke sekolah aliran kebangsaan Kemboja, manakala sebelah petangnya ialah masa untuk mereka mencari ilmu-ilmu jalan akhirat. Berbau kurung, berkopiah dan berbaju Melayu, pemandangan sedemikian ini tidak asing di kebanyakan tempat di tanah air sendiri. Cuma, saya melihat, anak-anak di sana lebih terpelihara akhlak dan adab mereka, tidak terlalu berlebihan, berlari-lari atau bersuara tinggi melebihi

guru dan orang yang lebih tua. Mungkin kerana pengaruh "angry bird", peranti, atau filem-filem merepek masih belum tiba yang memungkinkan mereka menikmati hidup secara orang kampung dahulu. Himbauan sebegini saya rasakan apabila melihatkan sikap malu yang tebal dalam diri mereka, suatu nostalgia terhadap sikap orang Melayu dahulu yang semakin tercabar hari ini. Terbayang saya akan santunnya anak-anak kampung dahulu bersimpuh, dan betapa manisnya kalau tersipu-sipu memandang orang luar.

Program kami selama tiga hari tiga malam berkenaan diisi dengan pelbagai acara, bermula dengan suai kenal, komunikasi berkesan bahasa Melayu, gotong royong membersihkan kawasan kubur, eksperimen sains, motivasi kecermerlangan pelajar Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, dan tayangan

video kejayaan. Kami berkongsi semua ini ibarat menyampaikan hak kepada saudara kami di sini. Pendedahan yang sebegini sudah dikomersialkan di Malaysia, namun di sini kami menyampaikan dengan tangan yang segar dan hati yang lapang. Mereka berhak menerimanya, kerana ukhwh ialah pendorong kami untuk bersama-sama mereka.

Program pengajaran bahasa Melayu Rumi dapat menarik perhatian pelajar. Penyertaan pensyarah bahasa Melayu dari Universiti Kebangsaan Malaysia dalam program berkenaan telah membantu menyampaikan bahasa berkenaan kepada pelajar bukan penutur jati dengan lebih mudah. Anak-anak madrasah kelihatan terkulat-kulat menyebut beberapa perkataan dalam bahasa Melayu yang mungkin pertama kali diujarkan oleh mereka. Manakala, pada perkataan tertentu kelihatan amat lancar dan fasih kerana

perkataan berkenaan telah pun ada dalam "mental leksikon" mereka. Buku rujukan asas bahasa Melayu yang dihadiahkan oleh para penyumbang telah dijadikan alat bantu mengajar sepanjang proses berkenaan.

Maklum balas yang diterima sepanjang program berjalan amat positif. Anak-anak menatap dengan penuh minat ketika roket terbang dilancarkan ke udara. Eksperimen sains berkenaan dijayakan oleh para pelajar dari Maktab Rendah Sains Malaysia Kuala Klawang yang berusia 15 tahun kesemuanya. Tujuannya, untuk menambahkan ghairah saudara di Kemboja agar mereka bersemangat menuntut ilmu dan melancarkan pula roket sendiri. Aktiviti yang dijalankan turut menarik perhatian para penduduk kampung yang lalu lalang, dan hal yang sedemikian dapat dilihat semasa proses mengisikan gas ke balang roket. Mereka terpaku keahairan, mungkin memikirkan apakah agaknya yang diisikan

itu. Bahkan, penduduk kampung yang pergi dan balik dari ladang di sekitar kawasan berkenaan juga berhenti seketika melihat aktiviti berkenaan. Mungkin di kawasan bandar atau pusat komersial, program sebegini tidaklah jarang-jarang ditemui.

Di belakang madrasah tempat kami melaksanakan program, terdapat sekitar 20 hingga 30 orang penduduk kampung sedang asyik menenun. Kami yang awalnya melihat dari jauh kemudiannya mula mendekati kelompok berkenaan. Sekitar 50 meter sahaja jaraknya dari madrasah. Kelihatan penduduk sedang mengasingkan daun pokok tembakau ke dalam bakul. Kaum ibu kebanyakannya dibantu oleh anak-anak kecil yang masih belum mengenal erti hidup. Mereka terus menyulam, sambil tersipu-sipu, berbahasa sesama mereka dalam isyarat yang meluahkan rasa gembira. Raut wajah mereka kelihatan bahagia, tersenyum mungkin melihat tamu yang datang sejauh ini, atau

memang itulah harga sebenar keamanan mereka tanpa diburu modenisme.

#### Lawatan ke Masjid Lama

Program kami di Kampung Suay Khleang turut diisi dengan lawatan ke beberapa tempat bersejarah. Bukanlah peninggalan tamadun seperti dalam sejarah Funan dan Campa, sejarah yang tidaklah terlalu lama, tetapi tetap ditunggu. Kami dibawa melawat ke masjid tertua di Kampung Cham yang terletak kira-kira 20 kilometer dari Kampung Suay Khleang. Perjalanan kami ke sana dipenuhi dengan penerangan oleh Ustaz Safir dan Ustaz Soleh tentang objek budaya. Pemandangan sekitar. Sungai Mekong sentiasa hadir sepanjang perjalanan kami. Di tebing-tebing terbina kehidupan, penempatan dan mata pencarian. Sungai ini merakamkan sejarah besar sebagai asas terbinanya tamadun awal dari selatan negara China hingga Vietnam, merentasi enam buah negara, terutamanya di Asia Tenggara. Masjid yang kami lawati juga berada berhampiran tebing Sungai Mekong, sumber air juga sumber ibadat. Hal ini amat mengesan ketika di negeri sendiri mengalami catuan air.

Seni bina pada masjid berkenaan tidak kelihatan seperti yang lazim terdapat pada bentuk masjid moden. Cukuplah sekadar ruang ibadat, tempat melaukan azan dan tempat berwuduk. Ukiran pada mercu masjid menampilkan seni bina tempatan yang mirip seni bina Siam, seperti yang boleh dilihat di beberapa buah masjid tua di Kelantan dan Terengganu. Masjid ini tidak lagi digunakan, telah lama ditinggalkan; dalamnya dipenuhi sawang, dinding dan atapnya juga sudah mula rosak. Pada ketika yang sama, rombongan kami bertemu



Anak-anak madrasah sedang menonton tayangan video motivasi kejayaan.

pula dengan saudara daripada Malaysia yang turut mengadakan Lawatan ke masjid berkenaan. Rombongan mereka hadir dalam program perasmian madrasah yang dibangunkan oleh penyumbang-penyumbang dari Malaysia. Kebetulan juga, salah seorang ahli rombongan berkenaan merupakan peserta program anjuran KAGUM ke Indonesia pada tahun 2012. Sempatah kami merakamkan rasa terkejut, kerana selepas program berkenaan, kami tidak pernah bertemu di Malaysia, namun bersua pula di Kemboja, bukan seorang, tetapi Firdaus dan Izuan juga ada bersama. Betapa kecilnya dunia, begitu juga usia.

Program di Suay Khleang diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah dan sumbangan kepada pelajar madrasah dan pihak penguurusan masjid. Wajah-wajah yang akan kami rindui nanti ialah anak-anak kecil yang bakal menjadi pejuang agama. Islam ialah denyut nadi kita dan mereka! Sesi bergambar menyusul kemudiannya bersama-sama anak-anak madrasah berkenaan, disusuli sesi salam-bersalaman, kemudian bersurai dengan penuh keceriaan. Harapan kami semoga bertemu pada lain masa, dan bangunkanlah masyarakat dengan ilmu dan pendidikan.

### Lanjutan ke Kampung Prektanung 3, Daerah Koh Sutin

Program kami diteruskan ke destinasi kedua, iaitu daerah Koh Sutin yang masih terletak dalam provinsi Kampung Cham. Perjalanan kami mengambil masa kira-kira dua jam. Kami berkesempatan menaiki feri memandangkan perjalanan ke kampung berkenaan perlu melintasi

Sungai Mekong. Menaiki feri ialah cara paling efektif tanpa perlu melalui perjalanan jauh dengan merentasi jambatan. Van yang kami naiki, lori minyak, lori batu bata juga boleh dimuatkan ke dalam feri tersebut dan membayangkan gagahnya sungai berkenaan menahan beban di atasnya. Jarak antara tebing ke tebing dianggarkan sekitar setengah ke satu kilometer. Sungai yang

Lawatan ke rumah penduduk kampung berkenaan sangat mengujakan. Terdapat sebilangan penduduk yang membina "pondok" sebagai tempat berteduh, bekalan air menggunakan pam, anak-anak dimandikan di belakang rumah tanpa berbilik air.

lebar dan panjang membolehkan penduduknya membina kehidupan di sepanjang tebingan yang mungkin juga menjadi nadi kehidupan sebahagian besar penduduk Kemboja dan semua negara yang dialirinya.

Setibanya di Kampung Prektanung 3, kami disambut oleh penduduk kampung yang sempat melapangkan masa hadir untuk sesi berkenal-kenalan pada petang berkenaan. Sesi berkenaan telah diaturkan oleh Ustaz Radhee, pengantara dan pengiring program kami. Beliau merupakan anak tempatan dan

"orang harapan" yang sering dijadikan sandaran penduduk kampung, juga orang yang sentiasa berusaha untuk memenuhi hajat penduduk kampung berkenaan, hajat rohani dan jasmani mereka. Di rumah beliau, anggota rombongan kami yang seramai 25 orang ditempatkan. Ketika majlis sambutan, ucapan wakil KAGUM diisi dengan rakaman penghargaan atas kerjasama dan sambutan yang diberikan kepada kami. Seterusnya kami berpeluang berjalan kaki menziarahi beberapa rumah penduduk kampung berkenaan. Debu merah, habuk tanah yang kering begitu terasa. Kemudahan asas amatlah kurang berbanding kampung sebelumnya. Di jalan yang tidak berturap, debu seperti ditepek-tepek naik ke udara, menyesakkan bukan sekadar kami yang belum biasa, bahkan penduduk kampung berkenaan juga menekup muka dan mata apabila ada kenderaan lalu. Soal ekonomi, pendidikan dan agama masyarakat di sini juga agak ketinggalan berbanding kampung sebelumnya. Inilah cabaran kami untuk memikirkan kaedah terbaik menjayakan misi di sini.

Lawatan ke rumah penduduk kampung berkenaan sangat mengujakan. Terdapat sebilangan penduduk yang membina "pondok" sebagai tempat berteduh, bekalan air menggunakan pam, anak-anak dimandikan di belakang rumah tanpa berbilik air. Kehidupan sangatlah daif dan sukar. Bekalan air didapati daripada sumber hujan dan kolam yang tidak terjaga dan terawat. Pemandangan ini bukanlah suatu yang asing bagi penduduk di sini, mereka mengharunginya sebagai rutin. Kesederhanaan mereka tidak pernah terbelah oleh para ahli kapitalisme. Pun demikian, hak mereka untuk memperoleh ilmu perlu tetap diusahakan.

Program kami pada malam tersebut diteruskan secara santai



Pengakuran bahasa Melayu Rumi menggunakan tulisan buku Jawi.

dengan sesi penyampaian kuliah oleh Dr. Iknor Azli Ibrahim. Beliau merupakan pembimbing kami sepanjang program dan memastikan perjalanan program diisi dengan adab dan ilmu. Tujuan kami mengadakan pengisian demikian adalah supaya para peserta bukan sahaja menyampaikan ilmu, tetapi turut memperoleh ilmu, memberi dan juga menerima. Tajuk yang dikongsikan beliau adalah tentang dajal, fitnah akhir zaman dan kebangkitan Melayu Nusantara sebagai pembela agama Islam. Kandungan yang dibicarakan oleh beliau amat menarik untuk difikirkan. Betapa masyarakat Melayu-Jawi ini ialah "single ethnic muslim" terbesar yang menerima Islam sebagai agamanya, dan yang paling diharapkan membawa obor kemuliaan Islam kepada dunia. Perkongsian menarik yang disampaikan oleh beliau telah membuka cadangan untuk

mengadakan kuliah yang sama selepas pulang ke Malaysia nanti, perkara yang amat kami nantikan.

Keesokannya ialah hari terakhir dan terpadat yang akan kami lalui sepanjang berprogram di bumi ini. Kami berehat awal, menunaikan solat subuh berjemaah setelah dikejutkan oleh audio yang kuat dari kediaman Ustaz Radhee sendiri. Lapang dan nyaman berada dalam suasana seperti ini. Selesai solat subuh, kami mengambil kesempatan berehat sebentar, sebelum melalui hari yang panjang dan memenatkan tentunya. Selesai bersarapan, para peserta diminta bersiap untuk misi bergotong-royong membersihkan kawasan kampung. Sememangnya kebersihan menjadi wajah masyarakat Islam, kerana itulah "izzah Islam", "dakwah bil hal" kepada masyarakat yang belum Islam. Oleh hal yang demikian, elemen ini perlu dititikberatkan

dalam program-program khidmat masyarakat yang dijalankan. Kebersihan ialah asas keimanan.

Peralatan gotong-royong yang tidak mencukupi tidak pula menjadi penghalang kami. Para peserta dibahagikan kepada kumpulan kecil dengan dibekalkan perkakas yang minimum. Ranting dan kayu dijadikan penyapu, dan kami mengutip sampah di sepanjang jalan hadapan madrasah hingga jalan utama kampung berkenaan. Menariknya, penduduk kampung ramai yang turut sama dalam aktiviti kami. Anak-anak mereka mengambil plastik sampah, mengutip sampah sepanjang perjalanan dan mak cik - mak cik mula menyapu laman, membersihkan kawasan rumah mereka. Pengalaman yang sungguh manis bagi diri penulis melihat suasana saling membantu dalam soal menjaga kebersihan. Mudah-mudahan usaha ini menjadi asbab untuk kita jadikan iktibar.

Hari yang padat berkenaan diteruskan dengan aktiviti ziarah ke tiga buah rumah keluarga yang terhampir. Mereka ialah penduduk miskin yang telah dipilih oleh Ustaz Radhee untuk menerima sedikit sumbangan daripada pihak penganjur. Keluarga yang terpilih terdiri daripada mereka yang sakit, tidak mampu bekerja, dan ibu tunggal miskin yang tidak memiliki keperluan asas. Sebelum penyerahan sumbangan diberikan, Ustaz Iknor telah menyampaikan tazkirah ringkas tentang hak fakir miskin, tuntutan mendekati dan berada di samping mereka. Antara ilmu yang saya pelajari daripada isi tazkirah berkenaan termasuklah :

"... bukanlah kami yang memberi kepada si miskin, tetapi kamilah yang sepatutnya meminta daripada mereka, doa mereka adalah mustajab, kemiskinan mereka juga adalah ubat yang mujarab mendidik hati yang bersyukur dan berserah diri". DB